


**Bil. 30**

**Selasa  
20 Ogos 2019**



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Mengenai:

**Program Insentif Penerbitan Filem di Malaysia  
(FINAS)**

• **Kementerian Komunikasi dan Multimedia:**

- (i) YBhg Dato' Suriani binti Dato' Ahmad,  
Ketua Setiausaha
- (ii) YBhg Dato' Hans Isaac,  
Pengerusi FINAS
- (iii) Tuan Ahmad Idham Ahmad Nadzri,  
Ketua Pegawai Eksekutif FINAS

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 20 OGOS 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad	- <i>Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Chen [Subang]	
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]  
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Lee Jing Jing [Jurubahasa Serentak Kanan I (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA (samb/-)****Jabatan Audit Negara**

Encik Mohd Marzuni bin Muhammad [Pengarah Bahagian Audit Prestasi III]

Dr. Farida binti Veerankutty [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III Cawangan PKJ V)]

Puan Sarimah binti Umor [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit II)]

Encik Asrul Izeah bin Yacob [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Susulan Audit II)]

Encik Mohd Saufi bin Sepayu [Penolong Juruaudit (Bahagian Audit Prestasi III Cawangan PKJ V)]

Encik Mohd Afiq bin Mohd Suhaidi [Penolong Juruaudit (Bahagian Audit Prestasi III Cawangan PKJ V)]

**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Suhaili bin Ahmad [Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan)]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan)]

**Jabatan Peguam Negara**

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]

Puan Nawal Nadia binti Azimuddin [Peguam Persekutuan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)**

YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohamad Jamil [Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan, Ketua Pegawai Maklumat (CIO)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas) (Perkhidmatan)]

**Jabatan Akauntan Negara (JAN)**

Puan Zuriyanti binti Abdul Hamid [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat & Agensi)]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)**

Encik Paarteeben a/l Subramaniam [Timbalan Pengarah 2 (Bahagian K-Ekonomi)]

Cik Masturah binti Ma'arof [Ketua Penolong Pengarah Pembangunan Kandungan Digital dan Keselamatan Siber (Bahagian K-Ekonomi)]

---

**SAKSI****Kementerian Komunikasi dan Multimedia**

YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad [Ketua Setiausaha]

Puan Zalwani binti Zalkaply [Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan]

**Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS)**

YBhg. Dato' Hans Isaac [Pengerusi FINAS]

YBrs. Encik Ahmad Idham bin Ahmad Nadzri [Ketua Pegawai Eksekutif]

Encik Raja Khairul Azman bin Raja Abd. Karim [Pengarah Pemasaran]

Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar [Pengarah Galakan Penggambaran]

Encik Ahmad Syazli bin Muhd Khair [Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan]

Puan Rozita Waty binti Ridzuan [Pengarah Pengurusan Produksi]

Puan Molya binti Mohd Annuar [Pengarah Kewangan]

Encik Ahmad Faizal bin Hassan [Ketua Audit Dalam FINAS]

Encik Muzri bin Abdullah [Penolong Pengarah Kanan Unit Penyelidikan]

Puan Norashikin binti Ahmad Nor [Penolong Pengarah Bahagian Galakan Penggambaran]

Puan Noorzillawati binti Yahya [Penolong Pengarah Unit Pasaran Antarabangsa]

Cik Drusella Brigit Anak Rijeng [Penolong Pengarah Unit Penyelidikan]

Encik Ahmad Azhar bin Md Kassim [Penolong Pengarah Bahagian Galakan Penggambaran]

Puan Azrina binti Zainal Abidin [Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Galakan Penggambaran]



---

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Selasa, 20 Ogos 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,  
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.26 petang

*[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini binti Ahmad **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Pengerusi:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat petang. Selamat petang kepada semualah Ahli PAC, kita ada Datuk Roosme, Setiausaha Dewan Rakyat yang juga merupakan Setiausaha PAC. Selepas itu kita ada semua ahli ex-officio PAC.

PAC hendak mengucapkan tahniahlah kepada- ada dua ahli PAC yang baharu, satunya adalah Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir daripada Johor Bahru yang tetapinya dia adalah masuk semula, dipilih semula menganggotai PAC Parlimen. Seorang lagi adalah ahli PAC Parlimen juga baharu. Ini betul-betul baharu dilantik, Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Ahli Parlimen Kuala Krau, tetapi tidak datang sebab gastrik. *[Ketawa]* Gastrik dia serius sikit sampai masuk hospital.

Jadinya terima kasihlah kerana masih lagi dan terus hadir dalam mesyuarat prosiding PAC. Jadinya di hadapan Jawatankuasa petang ini kita ada mesyuarat prosiding yang membabitkan isu Program Insentif Penerbitan Filem di Malaysia di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) serta Perbadanan Filem Nasional ataupun FINAS. Jadinya isu ini dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Julai baru-baru ini.

Jadinya prosiding ini adalah kiranya yang pertama yang telah dipilih oleh PAC untuk disiasat daripada Laporan Audit 2018 Siri 1. Saya ingat saya hendak menjemput- siapa yang akan memberikan taklimat bagi pihak- kedua-duanya sekalilah bagi pihak Tuan Haji Khalid yang kita dimaklumkan tidak berapa sihat pada petang ini. Taklimat ini adalah lebih untuk memberi kita maklum balas ataupun memberikan status terkini berhubung Program Insentif Penerbitan Filem Nasional ini terutama sekali yang telah dilaporkan dalam Paparan Ketua Audit Negara ataupun *AG Dashboard*. Saya hendak memberikan sedikit penerangan ringkas mengenai isu ini.

■1430

Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) ini diperkenalkan kerajaan pada bulan Januari 2013 berdasarkan formula pembayaran rebat tunai bertujuan untuk membantu perkembangan dan kemajuan industri kandungan tempatan, di samping mempromosikan Malaysia sebagai destinasi menarik bagi penggambaran filem luar negara. Dana FIMI disalurkan mulai tahun 2013 hingga 2018 yang melibatkan peruntukan daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang berjumlah RM146 juta. Manakala, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bagi tahun 2016-2018 berjumlah RM124.52 juta. Jadinya, dana NKEA ini daripada tahun 2013 hingga tahun 2015 yang diluluskan oleh EPU dan diagihkan oleh PEMANDU untuk disalurkan kepada FINAS melalui KKMM, manakala peruntukan RMKe-11 disalurkan kepada FINAS melalui KKMM daripada Kementerian Kewangan. Jadinya, ada dua... [Disampuk] Okey, selamat datang Yang Berhormat. Selamat datang kembali. [Ketawa]

Jadinya, Ketua Audit Negara dalam laporan ini merumuskan ada beberapa perkara. Antaranya sasaran– Nanti kemudian Audit boleh *elaborate* perkara ini. Sasaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada dana Program FIMI ini dimanfaatkan oleh pengeluar filem tempatan tidak tercapai kerana hanya lima permohonan projek tambahan bernilai RM12.4 juta ataupun 10 peratus telah diluluskan dari tahun 2016 hingga Ogos 2018. Selain daripada itu, pembayaran berjumlah RM1.21 juta untuk Program FIMI diluluskan walaupun permohonan tidak diluluskan ataupun nanti boleh *elaborate* mengenai perkara ini. Pihak yang hadir lepas ini, selepas sesi kita, selepas taklimat daripada Jabatan Audit Negara ini, yang akan ada nanti adalah Yang Berbahagia Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, dia KSU KKMM yang baharu. Kemudian juga, Pengerusi FINAS iaitu Yang Berbahagia Dato' Hans Isaac. Kita juga akan ada- berada dengan kita adalah Encik Ahmad Idham bin Ahmad Nadzri iaitu Ketua Pegawai Eksekutif FINAS dan barisan pengurusan tertinggi FINAS. Jadi, tanpa berlengah masa lagi, saya minta daripada pihak Jabatan Audit Negara untuk memberikan taklimat mengenai perkara ini, tajuk ini.

**Encik Mohd Marzuni bin Muhammad [Pengarah Bahagian Audit Prestasi III, Jabatan Audit Negara]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Setiausaha Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara iaitu Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah. Saya hendak sampaikan salam Tuan Haji kerana tidak dapat– *last minute* dia tidak berapa sihat sebenarnya. Untuk kajian ini sebagaimana telah dimaklumkan oleh Tuan Pengerusi tadi adalah mengenai kajian LKAN 2018 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 hari bulan itu hari. Ini merupakan kajian pertama yang akan kita bentangkan, yang akan kita bincangkan oleh Jawatankuasa. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh Tuan Pengerusi tadi secara panjang lebar, kajian ini telah dianalisis dan telah–

Ada enam isu utama yang telah dibangkitkan dalam laporan ini yang terdiri daripada— Saya baca di sini. Pertama sekali berkenaan dengan sasaran tidak capai iaitu 50 peratus daripada FIMI tidak dimanfaatkan oleh pengeluar. Keduanya, FINAS belum melaksanakan kajian *outcome*. Isu yang ketiga berkenaan dengan pembayaran yang diluluskan walaupun permohonan tidak memenuhi syarat. Unit FIMI tidak menyimpan rekod. FINAS tidak menyediakan kontrak perjanjian dan tiada senarai semak laporan fizikal. Itu antara enam isu utama yang telah dibangkitkan dalam laporan ini. Jadi, untuk *detail* saya minta Dr. Farida untuk bantangkan selaku ketua pasukan. Silakan Dr.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, ada enam isu utama-lah ini?

**Encik Mohd Marzuni bin Muhammad:** Ya. Ada enam isu utama.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dr. Farida binti Veerankutty [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit Prestasi III Cawangan PKJ V) Jabatan Audit Negara]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Tuan Pengerusi dan Ahli Mesyuarat. Saya terus kepada FIMI. *First slide*, slaid pertama. Saya ingin *share* sedikit berkenaan dengan proses kerja untuk program ini supaya kita dapat *better understanding*. So, seperti mana Tuan Pengerusi tadi memaklumkan, program ini dilancarkan pada tahun 2013 selaras dengan GTP pada ketika itu ingin menyasarkan Malaysia sebagai salah satu negara destinasi pelancongan. Susulan daripada itu, satu insentif telah diperkenalkan, di mana 30 peratus rebat untuk *qualifying Malaysian production costs* diberikan kepada syarikat pengeluar ataupun dalam negara sebagai mempromosikan ataupun menggalakkan industri perfileman. So, antara objektif bagi program ini adalah pertama, menggalakkan pengeluar filem Malaysia yakni filem tempatan untuk menghasilkan kandungan kreatif, menarik pengeluar filem asing untuk menjalankan aktiviti perfileman di Malaysia, menambah peluang pekerjaan untuk para artis dan krew tempatan serta menambahkan peluang pekerjaan bagi syarikat-syarikat filem tempatan. So, daripada semakan Audit terhadap objektif ini, tiga objektif telah dicapai. Bagaimanapun, objektif pertama iaitu menggalakkan pengeluar filem Malaysia untuk menghasilkan kandungan kreatif tidak dapat dicapai.

Seterusnya, skop pengauditan. Skop pengauditan ini meliputi tempoh tahun 2014 sehingga bulan Ogos 2018, di mana kami telah membuat pengauditan melibatkan semua projek yang telah mendapat kelulusan iaitu 50 projek, di mana 37 adalah projek luar negara dan 13 adalah projek tempatan. Semakan juga mendapati daripada 88 permohonan, sebanyak 35 tidak memenuhi kriteria dan telah ditolak. Antara pejabat yang dilawati oleh pasukan Audit adalah ibu pejabat FINAS. Beberapa lawatan tapak telah diadakan iaitu satu di set penggambaran di Temoh, Perak; satu studio penggambaran di Johor; dan dua studio produksi animasi di Petaling Jaya.

Metodologi pengauditan antaranya semakan dokumen, fail minit serta temu bual, lawatan tapak dan juga kami telah mengadakan perbincangan dengan pihak audit swasta.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Dr. Farida, *can you just explain yang 30 percent rebat ini, how does it work actually? Is it say I spend RM100, I...*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *You get RM30.*

**Tuan Wong Chen:** *RM30 from whom? From the Ministry of Finance?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *From Government of Malaysia. That means, through Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia daripada FINAS sebab telah diperuntukkan RM270 juta untuk tujuan tersebut.*

**Tuan Wong Chen:** *Okey. Jadi, saya spend, lepas itu saya claim back?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Ya. Perbelanjaan itu perlu di-spend di negara Malaysia. Then, ada satu proses pengesahan oleh juruaudit on all the perbelanjaan dan akan dikumpulkan dan disahkan based on- we called it qualifying Malaysian production expenditure. Katakan RM1 million di-qualified, dia akan dapat 30 percent of that.*

**Tuan Wong Chen:** *So, did you audit those claims?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Ya.*

**Tuan Wong Chen:** *You did. No issue, right?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *No. Ada isu...*

**Tuan Wong Chen:** *Ada sedikit-lah? Ada banyak?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Memang one of the main issue was how do the private auditor audited the payments. Memang ada isu...*

**Tuan Wong Chen:** *Okey, okey. Later you explain.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Yang mungkin perlu di... [Disampuk] Ada dalam isu berikutnya.*

*[Berbincang sesama Ahli]*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *So, seterusnya saya pergi ke proses kerja supaya untuk mendapatkan satu pemahaman yang lebih jelas. So, proses kerja bagi program ini ataupun insentif ini bermula dengan permohonan. Permohonan ini mereka akan gunakan terminologi provisional certificate, Di mana semua syarikat boleh memohon dan sekiranya diluluskan, mereka akan mendapat satu certificate di mana layak untuk dipertimbangkan. Akan tetapi ia tidak bermaksud mereka akan mendapat rebat tersebut sebab akan ada satu evaluation di peringkat kedua di mana final certificate. Sekiranya dia tidak layak, dia berkemungkinan tidak boleh tuntutan. So, apabila dia memohon provisional certificate, dia akan disemak oleh satu unit yang*



dipertanggungjawabkan di FINAS dan melalui Jawatankuasa FIMI, akan diputuskan dan ada beberapa kriteria tertentu.

*The process*, kami Audit memang mengikut prosedur yang ditetapkan. Selepas diputuskan siapa, satu pelantikan panel audit swasta akan dibuat sebab pengauditan ataupun penentusahan perbelanjaan dibuat sepanjang *production*. So, ia dibuat secara berkala. Katakan dua tahun ia akan buat *along the two years*- Untuk makluman, rupanya *production* ini *quite different from the normal* penyata kewangan. Apa yang mereka sediakan adalah *list of expenditures*, then dia akan sediakan *all this payment vouchers* ataupun resit. *Maybe* ada yang sampai RM1. *Because everything— even you* pergi toilet pun dia akan *claim*.

■1440

*[Ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *So, that is why they are having the document* untuk resit is *voluminous* sampai berkontena. *So, that is one of the reasons* bila kita lihat nanti FINAS *argued— they cannot keep* berkotak-kotak lah dokumen tersebut. Sebab pengesahan itu dibuat bilamana *expenses incurred along the way* dia akan serahkan *all the receipt*, so the external auditor akan *verify* dan akan sediakan satu *list of expenses*.

**Tuan Pengerusi:** Agaknya sebab dia hendak *qualify*-kan jumlah yang dia dapat itu. Dia hendak *maximize*-kan. Itu yang sampai RM1 apa semua termasuk.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *[Mencelah]* So, kalau *one million maybe* berkotak-kotak lah. Sebab *even 40 cents*, RM1, *everything*.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya, dalam FINAS dia tak nyatakan apa boleh, apa tak boleh kah?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Dia ada *specify types of expenses but they did not put the limit of—whether I can claim RM1 or...*

**Tuan Wong Chen:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* One ringgit and above.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ya, dia tak letak.

**Tuan Pengerusi:** Makan malam pun boleh juga lah ini? Boleh *claim* juga lah— makan malam sebab dia kata berkaitan dengan...

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *During the filming* kalau dia makan, semua layak. Semua layak.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *So, that is one of the main* masalah lah. Sebab *documentation* terlalu banyak dan *petty-petty expenses* pun masuk. So, bila kita lantik firma audit

swasta untuk buat pengesahan, dia akan buat *role* lebih kepada macam *net auditors*. *Every here and then, every two months* ataupun untuk tempoh yang tertentu, dia orang akan pergi ke tempat *production*. Berkotak-kotak *they will* masuk dalam *list and they will do that one* lah.

Cuma, apa yang pihak Audit kurang berpuas-hati adalah tiada pemantauan sepanjang proses penyediaan penyata perbelanjaan itu. Maksudnya FINAS tak pernah pergi buat *inspection* kah atau buat *testing*. Dia hanya *rely on the auditor's report because they assume the auditors are professional, so should be okay* lah. *But* bagi kita, *there is no check and balance*. Kalau auditor kata RM10 juta, RM10 juta. *But...*

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]** Dia tak ada pengesahan.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Tak. Sebab dia *rely on*— dia kata dia sudah lantik *auditors*. So...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Yes. External auditors.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *So*, dia rasa saya sudah lantik, *so they are in a good place to give the opinion*. *Then, another one* adalah pembayaran fi. Pembayaran fi ini adalah sebahagian daripada yang dapat *rebate*. Katakan, syarikat itu dapat RM10,000, kita akan tolak *fees* itu daripada RM10,000 itu. *So*, berkemungkinan...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Dr. Farida binti Veerankutty:** So...

**Tuan Pengerusi:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Yang mana dia boleh lah. Okey, dia ada—katalah RM10,000. Jadi dia akan cuba *maximize*-kan...

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *As long they follow the— there is criteria* juga lah. Memang pengesahan berdasarkan kriteria itu ada. Cuma, bila kami hendak audit, *whether the real process of auditing by the external auditor been done*, kami tidak dapat. Mereka tidak dapat mengemukakan dokumen dengan alasan *document is very—* terlalu besar dan berkontena. *So, what happened, the primary document* dia tak dapat bagi, kita minta *secondary document* adalah *working paper external auditor*. *So, as an auditor you* mesti ada *how you arrive at the figures*. *That one also they're unable to give us because* dalam kita punya perjanjian antara *private auditor* dengan FINAS, tidak adapun keperluan *they have to give...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]** *Is it a reputable auditor?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ya, ya. *PwC, Deloitte, Ernst & Young*. Auditor memang jenis yang profesional, yang memang *well-established auditors*. Cuma, perkara-perkara itu yang menyebabkan pihak Audit tidak dapat *provide an opinion, whether the payment are* teratur atau tidak.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tak kah yang *you* punya *contract* itu *verified by* PUU of kementerian, *that sort of thing*?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *They did not have contract*. Dalam kes ini, dia keluarkan— kita panggil SST. *They all call it Statement of Work*. Itu sahaja. *Based on that, proceed*. So, sepatutnya selepas *Statement of Work*, kena ada kontrak perjanjian apa yang saya— yang itu tak ada. Ada kelemahan dari segi itu jugalah.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Itu adalah proses dia. Seterusnya, bila penggambaran mula dan akan berlaku *concurrent auditing and the expenses* lah. Selepas semua selesai, laporan audit akan dikeluarkan oleh *external auditor* dan laporan audit ini diangkat kepada Jawatankuasa FIMI sekali lagi. Jawatankuasa ini berfungsi hanya *relying on that report only*. So, based on that *report only*. Based on the report, dia akan *agreed* atau *disagreed* lah. So after that, akan diberikan *final certificate* dan dia akan layak dapat *rebate 30 percent off total QMPE* yang diluluskan.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Siapa menganggotai jawatankuasa?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Okey. Jawatankuasanya dia ada *a few*. So, saya guna yang terkini adalah Bilangan 1/2018, Ketua Pengarah FINAS dan wakil daripada MDEC, wakil daripada MIDA, wakil daripada PUSPAL dan juga PEMANDU.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey, wakil *ministry* tak ada? *[Tidak jelas]*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Ministry* ada. Dia di bawah Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (KKMM).

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kementerian?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ya. Dia wakil daripada kementerian. So, ahli dia pun *recently* berubah-ubah juga lah dan *one of the main reason* bila kita audit ada masalah kelewatan, *they all* susah hendak bersidang. *Because frequency of meeting* pun *delayed due to unavailability of the members* lah.

**Tuan Pengerusi:** Sebab dia berdasarkan kepada jawatan daripada kementerian. Jadinya kadang-kadang bila dia ada pertukaran kat tempat sana, maka dia akan jadi pertukaran di tempat

ini juga dan *it will take some time* juga untuk yang baharu, lantikan baharu. Akan tetapi dia ada lantikan tambahan bukan, selepas itu? Baru-baru ini ada tiga kah apa lantikan tambahan. Berapa dia punya kuorum dia? Kuorum untuk jawatankuasa ini? Dia mesti ada kuorum dia bukan? Kuorum jawatankuasa FIMI ini. Dua orang sahaja kah sudah boleh, macam PAC. *[Ketawa]*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *[Ketawa]* PAC penuh.

**Tuan Pengerusi:** PAC penuh.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia ada sepuluh, tapi kuorum lima.

**Tuan Pengerusi:** Kuorum lima ya. Okey lah, maknanya 50 percent lah kena hadir.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Okey, terus kepada isu. Saya terus kepada isu utama. Isu pertama adalah berkaitan dengan prestasi output FIMI iaitu di mana pengauditan mendapati sasaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada dana FIMI dimanfaatkan oleh pengeluar filem tempatan tidak dapat dicapai. So, berdasarkan surat EPU, telah dinyatakan dengan jelas *at least 50 percent of the* dana perlu dimanfaatkan oleh pengeluar filem tempatan.

Kita dapati daripada 50 peratus yang ditetapkan, hanya dapat capai 10 peratus di mana melibatkan lima projek tempatan dengan QMPE sebanyak RM12.24 juta. So, kita ada buat *survey* kepada pemohon-pemohon. Didapati antara *reason* adalah satu QMPE yang terlalu tinggi. Maksudnya pengeluar filem tempatan diletak minimum RM2.5 *milion*, but *local producer* tidak dapat mencapai *that minimum* QMPE. So, *that is one of the reasons*. Syarat-syarat yang ditetapkan pun *very strict*. So, *that makes* hanya *production company* yang *well-established* yang boleh memohon ini.

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bukan semua. *[Tidak jelas]* Semua tak boleh lah.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Akan tetapi sebenarnya, *how much are we looking at ya?* Jumlah keseluruhan.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Peruntukan, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Setakat ini, RM270 juta.

**Tuan Pengerusi:** RM270 juta?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ya. QMPE itu hampir RM800 juta telah dibelanjakan oleh syarikat dalam negara dan kita telah membayar *rebate* untuk RM270 juta. So, *that means* ikutkannya maksudnya dia telah *boost the economy through the expenses of* RM1 bilion lah.



Sebab dia *target* kalau boleh, *production company* datang ke Malaysia, *every year* RM100 million dia akan *spend* dekat Malaysia. So, *with that* dia akan *stimulate the economy*. So, *in return* dia akan bagi 30 percent *from that*.

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bukan dia bawa dia punya... *[Tidak jelas]*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Dia ada syarat dia Tuan Pengerusi. Dalam itu, 30 percent mesti *local crew*. So, *what they will do*, a combination between the ini dan juga artis pun mesti ada. So, dia mesti beri peluang pekerjaan kepada artis, *at the same time* dia beri peluang pekerjaan kepada kru-kru tempatan.

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Okey lah, ingatkan artis pelakon.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya lah. *[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Artis.

**Tuan Pengerusi:** *That one important* juga.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

#### ■1450

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Krew ...

**Tuan Pengerusi:** Dia perlu ada daripada krew. Itu masuk yang berapa percent itu?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** 30 percent.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya dia boleh lantik 30 percent semua krew pun boleh jugalah? Boleh sebab dia cakap *local talent* 30 peratus. *Local talent* yang kerja belakang tabir pun *local talent* juga. *[Ketawa]* Okey teruskan.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Maaf Tuan Pengerusi. *Just now* yang 30 peratus *is crew*, include *permanent resident*. Jadi maksudnya dia boleh ambil PR atau pun *Malaysian citizens*.

**Tuan Pengerusi:** *Permanent resident* pun boleh jugalah.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Seterusnya kita dapati antara *reasons* yang diberikan oleh pemohon adalah satu borang permohonan itu pun *complicated* dan satu lagi yang *very obvious* adalah kurang promosi. Ini kerana kita lihat dia pernah buat *promotion in 2014*. *After that*, tidak ada apa-apa. So, selepas pengauditan dijalankan dia kata baru-baru ini ada buat *engagement* lagi. So, *May be that is one of the reasons* tidak banyak pengeluar tempatan *participated* dalam program ini.

**Tuan Pengerusi:** Bukan filem industri, tidak tahu kan.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Dia banyak kategori jugalah kan. Dia mesti dia punya syarat *creative content*.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Boboiboy one of that. Polis Evo one of that.*

**Tuan Pengerusi:** *Polis Evo pun? Polis Evo innovation dia tang mana?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Mungkin yang tembak-tembak itu.

**Tuan Pengerusi:** *We are talking about creativity. We look at it. Memang actually creativity dekat Malaysia ini memang some of kita punya especially the young one dia banyak buat kreativiti punya content. Akan tetapi I don't think they are aware of this. Oleh sebab dahulu semasa saya dekat MATRADE pun memang ramai yang buat tetapi they were complaining about not getting, they do not get support sampai terpaksa pergi dekat negara lain, kerja dekat negara lain because they don't get support from our government, katanyalah.*

*But now kita dengar otherwise pula maklumat yang diberikan.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Oleh sebab QMPE itu terlalu tinggi untuk *local producers* RM2.5 million untuk satu *production*.

**Tuan Wong Chen:** *I'm trying to understand this things. Basically, you got RM120 million right or not?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *RM270 million.*

**Tuan Wong Chen:** *RM270 million. So, RM120 million, 50 percent. No, no.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ini kita *base on numbers* sebab dia sudah tetapkan *every year* sejak tahun 2016, *every year* mesti 15 syarikat. *Percentage 10 percent* itu daripada syarikat, bukan daripada nilai QMPE. Ini kerana nilai QMPE itu *depends on the production on that* ini cuma dia layak mesti *producer tempatan*, 15 syarikat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, total peruntukan yang ada *RM250 million*?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *RM270 million* setakat Disember 2018 yang kami auditlah.

**Tuan Pengerusi:** Setiap tahun minimum syarikat tempatan 15, sepatutnya?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Syarikat tempatan yang perlu diluluskan sijil PC.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Wong Chen:** *The target is RM270 million, you want to spend 50 percent on tempatan? Is that correct? No?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *We cannot using the RM.*

**Tuan Wong Chen:** *Percentage?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Tidak boleh sebab *output* itu *determine through number of pengeluar*, bukan *based on the QMPE*.

**Tuan Wong Chen:** *Okay I'm trying to understand. You got RM270 million budget, really? Then but you didn't, dia tidak habislah duitnya, tidak guna?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Kalau setakat ini telah RM231 million sudah habis sebab 50 kita sudah lulus dan daripada 50, 33 sudah habis. Sekarang tinggal yang around 17 itu sedang. So, based on audit pada 31 Disember dia sudah bayar RM231 million, rebat yang telah dapat FC dan telah dibayar oleh Kerajaan Malaysia.*

**Tuan Wong Chen:** *Setiap tahun rebat dia RM270 million?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *No, total 2013 until now di bawah RMKe-11.*

**Tuan Wong Chen:** *Oh.*

**Tuan Pengerusi:** *Di bawah QMPE dahulu dia sudah ada buat announcement.*

**Tuan Wong Chen:** *So this is berapa tahun? Lima tahun, 10 tahun?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *2014 sampai 2018.*

**Tuan Pengerusi:** *Four years.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Ya four years.*

**Encik Mohd Marzuni bin Muhammad:** *Untuk makluman Yang Berhormat, ada dua punca bajet itu. Satu daripada NKEA, satu daripada RMK. So total itu RM270 juta. Daripada since 2013 sampai 2018. So, enam tahunlah.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Dia akan tuntutan apabila siap baru boleh tuntutan. So, mungkin ada fund yang allocated for this year tetapi tidak habis guna dia akan carry forward. Oleh sebab itu apabila kita nampak terlebih guna peruntukan tahun semasa sebab dia bayar payment. Namun isunya dia bayar ikut prosedur cuma peruntukan terlebih gunalah.*

Seterusnya berkaitan dengan Prestasi Outcome FIMI. Kita dapati setakat pengauditan 31 Disember tidak ada satu pun penilaian outcome dilaksanakan untuk program ini. Bagaimanapun mereka ada juga menetapkan beberapa jangkaan impak melalui SPP2. Kami dimaklumkan ada satu kajian dilaksanakan oleh pemohon. Bagaimanapun pihak Audit tidak menerima itu sebagai salah satu penilaian outcome mengikut peraturan kerajaanlah.

Seterusnya kelulusan bayaran insentif. Pembayaran berjumlah RM1.21 juta diluluskan walaupun permohonan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan. Ini berkaitan dengan QMPE yang terlalu tinggi sebab berdasarkan Garis Panduan FIMI Tahun 2013 hingga tahun 2017, *the project must either spend QMPE with a minimum of RM2.5 million in aggregate for production work only or spend or combined QMPE for production and post production and minimum RM5 million.*

Maksudnya *RM2.5 million is local, RM5 million is overseas.* So, kita dapati ada dalam dua kes iaitu *production Boboiboy* di mana total QMPE yang layak adalah *RM1.5 million.* Dia tidak capai syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun rebat telah diberikan dan satu lagi adalah *The*

*Wildest River in The World* pun tidak mencapai QMPE RM5 million tetapi telah diberi rebat. Antara *reason* yang diberikan oleh FINAS adalah *local production* tidak boleh hendak capai *that high but since Boboiboy* ini mendapat *marketable* dan ditonton so dia *proceed with the* kelulusan rebat.

**Tuan Pengerusi:** Dia buat macam *special approval* kah ini? *Special approval. The Wildest*, yang Boboiboy ini okeylah saya pun pernah dengar. *The Wildest River in the World* ini filem apa?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Dokumentari.

**Tuan Pengerusi:** Dokumentari?

**Puan Sarimah binti Umor [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Susulan Audit II) Jabatan Audit Negara]:** Untuk format, untuk hendak dapat QMPE ini, format yang layak adalah filem cereka termasuk filem dokumentari, *animation* dan EMEX, program episod televisyen, program televisyen dokumentari, rancangan televisyen bersiri atau bermusim. *This is the only* format yang layak untuk tuntutan QMPE.

**Tuan Pengerusi:** Maksud, kalau untuk drama bersiri, tadi apa...

**Puan Sarimah binti Umor:** Program episod televisyen, ia berepisodlah dan program televisyen dokumentari.

**Tuan Pengerusi:** Itu pun boleh juga?

**Puan Sarimah binti Umor:** *Not*, dia kena ada *creative content* itu, guna *animation*.

**Tuan Pengerusi:** Kalau yang hantu-hantu itu kan kreatif juga.

**Puan Sarimah binti Umor:** *No*, tak. Dia ada guna...

**Tuan Pengerusi:** Sebab *we have those criteria* dan banyak, merata.

**Puan Sarimah binti Umor:** Dia ada *animation*. Dia kena guna teknologi yang itu dia kena ada *animation*.

**Tuan Pengerusi:** Ada teknologilah ya.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Dia mesti ada *something different creative content* itu.

**Tuan Pengerusi:** Semua orang pun cakap dia punya *creative content* itu kan sebab ramai cakap *creative content, creative content*. Oleh sebab itu kita *need to identify what kind of creative content*. Jadinya kalau macam *that* luar negara *The Wildest River in the World*, apa *creative content* sebab dia ini masuk dalam kategori dokumentari.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ia dibuat di Sabah dan Sarawaklah macam hendak *promote our country*.

**Tuan Pengerusi:** Okey teruskan sebab hendak kena faham.

■1500



Oleh sebab kita orang semua tidak faham subjek— *this is not our subject matter* dan untuk makluman Ahli-ahli PAC, sebelum ini pun FINAS pun pernah dipanggil di dalam PAC juga. Akan tetapi selepas itu tidak berubah juga, sebab sama juga dan kali ini pun di-*identified* juga oleh Audit untuk kita tengok apa masalah mereka dan apa yang kita boleh bantu. Okey, teruskan Dr.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Okey. Seterusnya, *next*. Okey, yang ini berkaitan dengan kelulusan pembayaran insentif, di mana Unit FIMI tidak menyimpan rekod kewangan. Ini yang saya maksudkan tadi, di mana dokumen kewangan yang disahkan oleh perunding audit swasta tidak disimpan oleh FIMI dengan alasan ruang penyimpanan, *that's is one of the main reason*.

Apabila kita lihat juga di bawah keperluan— maksudnya, antara *top between the private auditor* dengan FINAS, tidak ada satu keperluan untuk mengemukakan dokumen sokongan yang telah disahkan kepada FINAS, tidak ada *requirement*. So, apabila Audit masuk *and* kita minta, dia susah hendak bagilah, *there is no engagement* ataupun disyaratkan *whatever document* boleh disemak oleh pihak FINAS bilamana diperlukan. So, *clause* itu tidak ada di dalam syarat perjanjian dan FINAS juga tidak mensyaratkan pemohon untuk simpan, keperluan untuk satu tempoh *how long, seven years?* Tidak ada *any* syarat di dalam perjanjian antara FINAS dengan pemohon. So, apabila kedua-dua dokumen tidak ada, so untuk kita hendak dapatkan dokumen itu, kita menghadapi masalah dan memang untuk dua *voucher* yang kita minta, *there is the latest payment in 2018* tidak dapat dikemukakan. So, *what happened?* Apabila kita minta dokumen sokongan yang dia kata berkotak-kotak, *as a primer resources* tidak dapat *verify*, kita minta *working paper of external auditor* untuk *review the process*, macam mana berlakunya pengesahan, perkara itu pun tidak dapat dikemukakan. Salah satu alasan adalah, *there is no* syarat mengatakan *they have to give the working paper*.

*So due to that*, untuk isu ini pihak Audit telah membuat pendapat *or conclusion, we cannot verify payment* telah dibuat dengan teratur. Oleh sebab— walaupun ada laporan audit yang telah disahkan oleh juruaudit tetapi itu tidak membuktikan klausa teratur itu telah dibuat. Oleh sebab laporan audit itu dibuat oleh juruaudit swasta dan proses pengauditan yang dilaksanakan oleh juruaudit swasta tidak disemak imbang oleh FINAS ataupun KKMM. *So due to that*, kami membuat *conclusion* untuk isu ini, tidak dapat memberi pendapat teratur itulah. FINAS pada ketika pengauditan telah memaklumkan memang mereka hanya bergantung kepada FAS *on this* proses penentusahan *due to satu, limited human resources*. Dia kata tidak cukup kakitangan untuk *handle this situation*-lah. So, *that is one of the reasons, they are relying on the external auditor*.

*So next*, Penentusahan QMPE Projek Oleh Perunding Audit Swasta. FINAS tidak menyediakan kontrak perjanjian bagi perkhidmatan perunding audit swasta. Garis panduan

pemohon FIMI telah menetapkan *“the relevant financial and production document will be audited by a member of FINAS FIMI audit panel of which cost to be undertake such auditing activities will be borne by the applicant procedures”*. So, kita dapati lima firma audit swasta telah dilantik bagi tempoh tahun 2013 hingga Jun 2018 untuk mengesahkan 32 buah projek dan melibatkan pembayaran sebanyak RM6.17 juta. So, ia tidak mempunyai satu perjanjian sah antara dua parti, apa yang berlaku adalah FINAS telah menerima pakai *document statement of works* ataupun *agreed upon procedures*. Ia seolah-olah seperti TOR, TOR yang antara *auditor* dengan *auditee* akan membuat *engagement*, hanya berdasarkan itu. Akan tetapi di dalam SOW ada tandatangan kedua-dua pihak iaitu *auditor* dan juga FINAS. Ini juga tidak selaras dengan peraturan, di mana selepas tandatangan AUP ataupun SOW, dia akan menandatangani satu kontrak, memang untuk 32 buah projek yang kita audit, memang tidak ada perjanjian.

Seterusnya, berkaitan dengan isu pemantauan. Mesyuarat Jawatankuasa FIMI pada tahun 2014 telah memutuskan kerja-kerja pemantauan dilaksanakan oleh syarikat yang mendapat kelulusan FIMI dan dicadangkan satu senarai semak disediakan. Sebenarnya, kajian ini pernah dilaksanakan pada tahun 2014. Susulan daripada itu, FINAS telah memberi maklum balas menyatakan ia telah pun menubuhkan *task force* untuk membuat semakan fizikal *on the* pemantauan. Bagaimanapun, pada ketika pengauditan tahun 2018, kita tidak ada satu bukti, maksudnya mesyuarat ataupun laporan, ataupun rekod yang membuktikan proses pemantauan itu wujud. Apa yang mereka kemukakan adalah *a list of dates and* bila dia pergi. *So with that*, kita tidak dapat hendak...

**Tuan Pengerusi:** Ada apa?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** *Task force*, jawatankuasa, semua tidak ada?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Tidak ada. So, dia bagi satu *list of paper*, ada senarai tarikh lawatan, projek mana? So, *based on that*, kami tidak dapat bagi pendapat *whether it is really...*

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Puan, sebelum kita pergi lebih jauh lagi ya, tadi saya *flip through* semua laporan dan ini merupakan satu program yang bermula pada tahun 2013, di bawah Pelan Transformasi. Apabila kita memulakan sesuatu program yang memerlukan perbelanjaan yang ada bajet begitu tinggi, saya menjangkakan mesti ada satu *project paper*. Sekurang-kurangnya memberitahu kita apakah— bagaimana semua langkah-langkah yang disebut sebelum kita memulakan sesuatu. *Beginning with the end in mind*. Maksudnya, kita mula sesuatu, kita kena tahu apa peringkat. Saya baca ada satu— saya hendak tanya, ada atau tidak perancangan *working paper* sebelum kita memulakan program ini? *You have the consultation papers* dari konsultan mana? Atau pun rujukan modul mana?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Okey, yang kami dapat maklum balas daripada FINAS adalah program ini susulan daripada GTP dan mereka telah diarahkan ataupun telah dipertanggungjawabkan untuk uruskan program itu. So, seharusnya apabila dipertanggungjawabkan untuk uruskan, *how to do and the governance structure, everything should be developed by FINAS on these matters*. Oleh sebab telah diarahkan untuk melaksanakan program. So, untuk melaksanakan program, FINAS kena *come up with the SOPs, the governance structure, then only they should do whatever* yang dirancanglah. So, kami-apabila kita audit, memang proses itu tidak ada. Antara alasan adalah perjawatan yang tidak mencukupi dan *they are multi-tasking*. Akan tetapi apabila kita lihat, sekarang ini ada satu unit FIMI, maksudnya *within the FINAS*, ia ambil *some of them and duduk and buat a unit*.

**Tuan Wong Hon Wai:** Terima kasih di atas jawapan tersebut dan maksudnya, sebelum mula kita tidak ada perancangan yang rapi, *we on the run*. Kita ada bajet, kita mula untuk buat. Akan tetapi saya ingin merujuk kepada Lampiran C dalam buku tebal ini...

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Yang Berhormat, yang itu...

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wong Hon Wai:** Itu FINAS punya, bukan— okey, belum. Nanti, *reserved future questions*.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Okey. *Because...*

**Tuan Pengerusi:** Selepas ini.

**Tuan Wong Hon Wai:** Ya.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Makluman yang ada di dalam itu mungkin FINAS yang bagi, kami *auditors*-lah. So,...

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]:** Elok juga nanti bagi dekat Audit ya.

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

**Tuan Wong Hon Wai:** Oh! Okey. Saya simpan *question* itu untuk FINAS nanti.

**Tuan Pengerusi:** Nanti bagi salinan kepada Auditlah.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Oleh sebab kita senang hendak *question*.

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi:** Kita memang ada.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Audit untuk menyatakan apa syor. Oleh sebab tahun ini duit jumlahnya banyak, selepas itu kita nampak ada beberapa tetapi apa yang Audit *in the summary*-lah. Apa yang Audit *find*, apa yang Audit syor kepada kitalah untuk kita laksanakan.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Antara– Tuan Pengerusi, antara yang kami syorkan dalam Laporan Audit Negara adalah berkaitan dengan pencapaian *output, outcome*. So, mereka perlu membuat penilaian *outcome* dengan mengambil kira juga *marketability of the production* di luar negara. Oleh sebab pada ketika ini, apabila kita lihat, tidak ada satu rangka kerja. Apabila dia sudah *give the rebate to the production company overseas* terutamanya, *how they monitor whether this production company* betul-betul di tonton oleh ramai. So, benda itu tidak ada.

So, untuk penilaian *outcome* mereka masih belum ada penilaian *outcome*.

■1510

So, antara aspek yang perlu dilihat *marketability of this film in the overseas* mungkin *number of tontonan* atau *box office* supaya ia ada impak kepada negara dan juga dapat mencapai objektif untuk mempromosikan Malaysia di persada antarabangsa, iaitu dari segi *outcome*. Then another one adalah berkaitan dengan resit tuntutan insentif yang tadi saya maklumkan. Kami faham *volumes of the transaction* but ia perlu mewujudkan satu mekanisme mungkin pemantauan berkala *during the audit by swasta* untuk memastikan pengauditan itu dilaksanakan dengan betul dan juga boleh membuat pengujian.

Mungkin boleh ambil beberapa perbelanjaan yang mempunyai risiko yang tinggi, sudah *verify double check* balik betul kah RM10,000 ini sama dengan itu, *at least* ada *check and balance*, so that auditor and auditee akan *make sure* berwaspada jugalah dalam tuntutan tersebut.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Boleh saya tanya dengan isu ini, kerana muka surat 10 *you* ada sebutlah ini ada kaitan dengan apa yang *you* sudah bentangkan. Sini kata tiada kontrak perjanjian disediakan di antara FINAS dengan *external auditor* cuma dokumen *Statement of Work (SoW)* atau *Agreed-Upon Procedures (AUP)*, adakah pejabat Audit Negara ada satu salinan.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ada Yang Berhormat.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Boleh bagi kita?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Kalau hendak tunjuk pun kami ada bawa *soft copy* or kami boleh edarkan.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Edarlah, *you* edar selepas ini.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** SoW dengan AUP.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Ini sebab saya pun *external auditor*, ini biasa. Kalau kita dapat satu permintaan untuk audit, kita akan tanya apa skop kerja kita. Kalau *you* tidak bagi, kita akan bagi itu skop kerja. Jadi kalau *you* tandatangan, itu adalah satu perjanjian di antara kita dengan FINAS lah kalau saya dilantik untuk audit FINAS.



Jadi, kalau itu bagi sayalah sebagai seorang *auditor*, adakah saya sudah lakukan yang terbaik adalah selepas kita berbincang apa pencapaian atau matlamat kita rasakan okey kalau hendak mencapai matlamat ini kita akan buat kerja ini. Kalau *you* setuju kita akan buatlah. Nanti kita punya *working paper* kita hendak dokumen. Memang *documentation* itu kerana selama ini ada sudah pergi mahkamah, mahkamah pun sudah putus itu kertas kerja bukan kertas kerja FINAS, sesiapa yang *under* kitalah. Jadi, itu kita tidak perlu serah kepada sesiapa tapi kalau berlaku apa-apa yang sudah ada satu kes lah di mahkamah, kita akan serah kepada mahkamah untuk disemak oleh *external auditor* yang lain yang dilantik oleh mahkamah. Itu yang biasalah.

Saya hendak semak ia punya prosedur itu kita kata kerana kita ada *auditing standards*. Adakah itu sudah mematuhi *auditing standards* lah yang ditetapkan oleh *the international auditing standards committee*, itu saja.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Cuma saya hendak memberi sedikit maklum balas di mana sebenarnya apa yang kami dapat *information* daripada FINAS ketika pengauditan adalah SoW ini adalah *proposed by auditor* itu sendiri cuma kita dapati beberapa klausa seperti *access to the document* kurang jelas.

*So, another one* Jabatan Audit Negara juga melantik *external auditor* untuk membuat pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun. Berdasarkan pengalaman Jabatan Audit Negara bila kita buat *engagement* itu, kita memang dalam kita punya surat kontrak itu kita sudah nyatakan sesalinan *working paper* dikemukakan untuk simpanan Jabatan Audit Negara.

Berdasarkan amalan yang Jabatan Audit Negara amalkan kita rasa mungkin FINAS dengan audit swasta boleh berbincang *in win-win situation* supaya kedua-dua pihak mendapat yang terbaik.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Itu boleh masuk dalam skop *of work*. Kemahiran FINAS tidak minta, itu sebab ia tidak ada dalam...

**Tuan Pengerusi:** Kita minta dengan FINAS nanti.

**Tuan Wong Chen:** *So*, memang tidak ada *agreement* lah. *No primary agreement*.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *No*.

**Tuan Wong Chen:** *Just SoW*.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Sebab ia agensi kerajaan, *so* kita rasa kontrak itu akan mengikat kedua-dua pihak, walaupun amalan profesional *auditing services is allowed*, memang macam itu.

**Tuan Wong Chen:** Ya memang saya tahu *but*...

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *But in terms of government*, kita rasa ia tidak dapat menjaga kepentingan kerajaan sebab ia mendapat geran daripada kerajaan. *So*, bagaimana

kerajaan hendak masuk untuk hendak melihat itu bila tidak ada satu *engagement* dan *understanding* sebab ia akan *restrict* ia punya dokumen dan juga mungkin secara perundangan, mungkin kita tidak dapat memasuki dan mengesahkan *payments* tersebutlah.

**Tuan Wong Chen:** Kebiasaannya *actually there is a primary agreement which is the agreement. SoW is renewed every year. So, some of the auditors, because people don't change auditor. The very first time you sign agreement after that the subsidiary agreement is the SoW. So, they don't renew the agreement every year. They just renew the SoW. So, they must be one. Otherwise, there's no basis for the SoW. The SoW refers to a primary agreement. So,* memanglah. [Ketawa] *It's missing somewhere.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** FINAS *is a badan berkanun. Badan berkanun adalah juga tertakluk kepada kaedah-kaedah perolehan dan tatacara kewangan kan?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ya.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Okey.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** FINAS memang telah *endorse*, dia mengguna pakai Pekeliling Kerajaan dalam *board*. So, secara tidak langsung ia tertakluk kepada peraturan kerajaan.

Seterusnya, syor ketiga adalah berkaitan dengan pelantikan firma audit swasta, kami minta mereka *review* balik untuk menjamin kepentingan kerajaan dan juga *win-win situation*. Akhirnya adalah berkaitan dengan pemantauan. Rekod-rekod pemantauan ia hendaklah direkodkan, dimitinkan supaya ada bukti sememangnya berlaku pemantauan sepanjang penggambaran tersebut untuk memastikan memang di mana lokasi penggambarannya dan sebagainya lah. Ini antara empat syor yang Jabatan Audit Negara syorkan. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Cuma saya hendak tanya juga, ia tidak ada dalam laporan yang Puan tadi bentangkan. Saya tengok dalam ini kah dalam buku tebal, dalam ini kah ada bila audit mendapati bahawa syarikat-syarikat yang sama sahaja. Bukan syarikat yang sama tetapi orang-orang yang sama menggunakan syarikat yang berlainan kah macam mana? Kalau boleh dijelaskan mengenai perkara ini yang memohon FIMI ini, sebab dalam ini ia cuma "XXX" ia punya itu semua kan. Syarikat penaja tempatan adalah pemilik saham yang sama.

**Tuan Wong Chen:** Muka surat berapa?

**Tuan Pengerusi:** Dalam ini lapan hingga 10. Boleh tidak terangkan mengenai perkara ini?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Isu yang kami bangkitkan, yang ini menunjukkan hampir 20 daripada 50 projek yang diluluskan mempunyai pemilikan yang sama. Empat pemilik saham ini satu adalah William Sean Donovan dengan Carlo Redza Taib dia mendapat sembilan projek

melalui tiga syarikat. Kami dimaklumkan Carlo Redza Taib ini adalah bekas pegawai kontrak FINAS. Bekas pegawai kontrak FINAS.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** *Did they break any law or...?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Pardon.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *No law is broken, right?*

**Beberapa Ahli:** Tidak ada.

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Dia cuma kami...

**Tuan Pengerusi:** *Sorry Dr., sebelum Dr. menjelaskan dengan lebih lanjut. Bermaksud dalam FINAS kalau misalannya satu orang, katalah satu syarikat tapi diguna 10 syarikat yang lain, maksudnya diletak orang-orang yang sama, maknanya is allowable untuk memohon ini ataupun satu syarikat boleh satu kali saja mohon. Sepatutnya sebab dia patutnya memberi ruang kepada lebih ramai, you hendak build the industry. Ada tidak dinyatakan di mana-mana?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Bila kita *query* yang ini dia ada jawab. So, antara *reason* yang dibagi adalah...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Siapa nama dia? Carlos?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Dia beritahu *one of the reason this people yang selected, have a good network internationally. That is one of the reasons* dia menggunakan syarikat. Maksudnya pemohon yang sama walaupun syarikat berbeza tapi *the player* itu memang syarikat yang sama.

*So, one of the reasons is they already have a very good network dekat international arena. So, that is one of the reasons* lah sebab dalam maklum balas dia ada maklumkan seperti itu.

#### ■1520

**Puan Sarimah binti Umor:** Untuk produser luar negara dia mesti melantik *local sponsor*. *This local sponsor* yang jadi perantara antara produser luar negara dengan FIMI ini. Dia mesti ada— dia tidak boleh produser luar negara ini yang akan lantik *local sponsor* ini. Apa yang menjadi isu ini *local sponsor* ini sebab dia sudah ada *good networking*, dia tahu tempat-tempat yang mana hendak buat penggambaran, mungkin dia sudah lama dalam industri. So ia ada unsur monopoli di situ. *But the thing is* sudah memang itulah keadaan industri perfileman.

*So, macam contohnya katalah yang bawa dari Bollywood, dia ada satu local sponsor. Even those from luar negara ini dia akan pergi kepada these local sponsor ini.*

**Tuan Pengerusi:** *Local sponsor* ini dia adakah *transfer of technology* kah, *transfer of idea* apa benda semua, adakah? Ataupun...

**Puan Sarimah binti Umor:** Ya, sebab dari segi...

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ia hanya bersifat ejen sahaja sebenarnya.

**Tuan Wong Chen:** *But prestasinya macam mana? I know- you know if you it's a dominant player is it good or not? The outcome lah, final outcome.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *That is why dia tidak pernah nilai prestasi all this syarikat. Penilaian outcome tidak pernah buat.*

**Tuan Wong Chen:** *Jadi dia dapat banyak tetapi you don't know what quality.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Ya.*

**Tuan Wong Chen:** *That cannot be right then that is a problem.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Another reason is dia boleh saya jadi sponsor just pergi ke luar negara, pick any production company then kita kata ada rebate ini, so just bring them up and do some production and then go back. So, mungkin filem itu tidak pun- mungkin ditayangkan akan tetapi tidak ada seorang pun hendak tengok. So, benda itu kita rasa itu yang antara perkara yang perlu dikajilah, bagaimana dia menilai local sponsor ini dan juga is it really the oversea production company is really, betul-betul some well-known companies yang datang ke Malaysia supaya dapat memastikan penggambaran dan juga production itu dapat tontonan yang tertinggillah.*

**Tuan Wong Chen:** *So, Dr. Farida last question from me is very simple lah. If you are in the position of FINAS would you cancel these programme, polisi ini, dasar ini. Because the target is so low, right. You are saying 10 peratuslah betul? No, no I mean you audit obviously something is wrong. Is its administrative problem? Some are administrative ya, dia tidak buat rekod dia but if the prestasi so poor would you recommend changing direction, changing policy.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Ini personnel will lah Yang Berhormat nanti. [Ketawa] Sebab saya rasa dari segi ini, dia ada niat dia baik memasarkan Malaysia kepada industri di luar negara, cuma yang banyak kita nampaknya lebih kepada dia punya isu administrative procedural, di mana tidak ada pemantauan. Sekiranya katakan agen yang kita lantik ini dapatkan a very good production company from overseas datang ke Malaysia dan filem kita terkenal di luar negara berkemungkinan kita dapat...*

**Tuan Pengerusi:** *Capailah matlamat.*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *...Ya, matlamat. So, apa yang berlaku ini lebih kepada procedural administrative dia just for the sake of implementing.*

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** *Maaf, boleh saya tanya tidak?*

**Tuan Pengerusi:** *Boleh, boleh.*

**Puan Wong Shu Qi:** *Sini, sini. Iaitu sama ada kamu berpandangan bahawa KPI yang mereka pakai untuk evaluate projek ini adalah salah?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Okey, KPI yang ditentukan hanya berdasarkan QMPE, *RM100 million per year, that is very– dia quantitative sahaja, so kita tidak lihat objektif itu. So, dia tidak ada satu KPI untuk menilai objektif projek itu.*

**Puan Wong Shu Qi:** Khasnya untuk isi kandunganlah seperti apa yang dikatakan tadi, kalau filem itu tidak cukup baik tidak menarik pada penonton, tidak ada impak langsung akhirnya tidak membantu *local industry* kita. Betul?

**Dr. Farida binti Veerankutty:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, ada apa-apa lain tidak sebab sudah sejam kita ini. Kita hendak faham *the whole industry* dan juga *the whole problem in front of us*. Jadinya terima kasih banyak-banyak. Kasihanlah pula, kita akan panggil selepas ini Dato' KSU dan juga– itu sahajalah. Terima kasih banyak ya Audit, nanti kalau apa-apa mungkin kita boleh bertanya lagi. Terima kasih banyak.

*[Saksi dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan FINAS mengambil tempat di depan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita pun sudah *ready*. Semua sudah *ready* ya? Okey, *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang. Saya hendak ucapkan bagi pihak PAC hendak ucapkan selamat datang kepada Yang Berbahagia Dato' Suriani binti Dato' Ahmad selaku KSU KKMM, Yang Berbahagia Dato' Hans Isaac, Yang Berbahagia Encik Ahmad Idham bin Ahmad Nadzri dan juga barisan pengurusan tertinggi daripada KKMM serta FINAS.

Jadinya terima kasih kerana sudi hadir pada hari ini di dalam Mesyuarat Prosiding PAC Parlimen yang membabitkan isu Program Insentif Penerbitan Filem di Malaysia atau ringkasnya dikenali sebagai FIMI. Seperti Yang Berbahagia Dato' KSU sedia maklum, Program FIMI ini dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 dan PAC Parlimen memulakan prosiding berhubung isu ini dengan menggunakan punca kuasa daripada Peraturan Mesyuarat 77(1)(c) yang jelas menyebut; "*Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dilantik pada awal tiap-tiap Parlimen kerana memeriksa penyata-penyata Pemeriksa Kira-kira Wang Negara yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat menurut Peraturan 107 Perlembagaan.*"

Untuk pengetahuan semua juga KKMM dan FINAS tidak asing daripada PAC Parlimen kerana kedua-duanya pernah hadir di hadapan Jawatankuasa ini dalam Parlimen Ke-13 pada Januari 2014 membabitkan isu Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan FINAS yang tidak



memuaskan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012, Pengesahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan.

■1530

Jadinya, Laporan PAC Parlimen ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada Mac 2015. Jadinya, yang ini bukan satu perkara yang baru. Jadinya, kali ini mendapat cadangan ataupun teguran daripada Audit. Maka, saya kira tanpa membuang masa, eloklah kita dengar kepada pembentangan serta mendengar penjelasan daripada Dato' Suriani binti Dato' Ahmad dan juga FINAS berhubung isu FIMI ini. Akan tetapi saya juga hendak minta supaya Dato' memperkenalkan mereka yang sama hadir dalam Mesyuarat ataupun prosiding ini bersama dengan Dato'. Sekian, terima kasih.

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad [Ketua Setiausaha, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat petang, salam sejahtera Tuan Pengerusi dan juga ahli-ahli panel semua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana menjemput kami ke panel pada petang ini. Izinkan saya memperkenalkan diri dan juga ahli-ahli pada petang ini. Saya Suriani iaitu KSU Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Di sebelah kiri saya— Atau mungkin saya benarkan mereka memperkenalkan diri masing-masing. Boleh dengar suara mereka. Silakan.

**Dato' Hans Isaac [Pengerusi FINAS]:** Selamat petang. Apa khabar? Nama saya Hans Isaac. Saya Pengerusi FINAS.

**Encik Ahmad Idham bin Ahmad Nadzri [Ketua Pegawai Eksekutif, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya Ahmad Idham, Ketua Pegawai Eksekutif FINAS.

**Puan Zalwani binti Zalkaply [Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya Zalwani Zalkaply, SUB Bahagian Pembangunan Kandungan KKMM.

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar [Pengarah Galakan Penggambaran, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Saya Zokifli Abu Bakar, Pengarah Bahagian Galakan Penggambaran terkini.

**Puan Norashikin binti Ahmad Nor [Penolong Pengarah Bahagian Galakan Penggambaran, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Saya Norashikin binti Ahmad Nor daripada Bahagian Galakan Penggambaran.

**Puan Rozita Waty binti Ridzuan [Pengarah Pengurusan Produksi, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Saya Rozita Waty binti Ridzuan, Pengarah Pengurusan Produksi FINAS.



**Puan Noorzillawati binti Yahya [Penolong Pengarah Unit Pasaran Antarabangsa, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Saya Noorzillawati binti Yahya, Penolong Pengarah Pasaran Antarabangsa.

**Encik Raja Khairul Azman bin Raja Abd. Karim [Pengarah Pemasaran, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya Raja Khairul Azman, Pengarah Bahagian Pemasaran.

**Encik Ahmad Syazli bin Muhd Khair [Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang, salam sejahtera. Saya Ahmad Syazli, Pengarah Dasar dan Perancangan FINAS.

**Puan Molya binti Mohd Anuar [Pengarah Kewangan, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Saya Molya, Pengarah Kewangan FINAS.

**Encik Ahmad Faizal bin Hassan [Ketua Audit Dalam, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Saya Ahmad Faizal Hassan daripada Unit Audit Dalam FINAS.

**Encik Muzri bin Abdullah [Penolong Pengarah Kanan Unit Penyelidikan, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Saya Muzri bin Abdullah dari Unit Penyelidikan FINAS.

**Cik Drusella Brigit Anak Rijeng [Penolong Pengarah Unit Penyelidikan, FINAS]:** Selamat petang dan salam sejahtera. Saya Drusella Brigit Rijeng daripada Bahagian Dasar dan Perancangan.

**Encik Ahmad Azhar bin Md Kassim [Penolong Pengarah Bahagian Galakan Penggambaran, FINAS]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Saya Azhar Md Kassim dari Bahagian Galakan Penggambaran.

**Tuan Pengerusi:** Daripada mana?

**Encik Ahmad Azhar bin Md Kassim:** FINAS.

**Tuan Pengerusi:** FINAS?

**Encik Ahmad Azhar bin Md Kassim:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Sudah? Okey. Silakan Dato', teruskan.

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Baik. Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi penemuan-penemuan yang telah dibuat, kami sebenarnya telah pun membuat langkah-langkah penambahbaikan hasil daripada teguran. Di sebelah kanan kolum ini ialah mengenai penjelasan yang telah kami lakukan. Bagi isu yang pertama iaitu permohonan insentif oleh produksi tempatan, perenggan 6.1.1.a.(ii). Di sini, kami juga ingin mengambil kesempatan untuk memaklumkan panel bahawa *target* sekurang-kurangnya 50 peratus dana kandungan digital bagi

Program FIMI dimanfaatkan oleh produksi filem tempatan itu tidak dapat dicapai kerana industri tempatan memang dalam keadaan yang sedemikian. Kami juga telah memaklumkan kepada Unit Perancang Ekonomi pada ketika itu bahawa *target 50 percent* itu memang agak sukar untuk dicapai oleh industri perfileman tempatan. *Target* yang disebut sebagai 50 peratus itu ditetapkan tanpa mendapat pandangan terlebih dahulu daripada kami sama ada industri kami dapat mencapai atau tidak sebanyak tersebut. Jadi akibatnya, itu tidak dapat tercapai-lah sebab industri kita memang *in that situation*.

**Dato' Hans Isaac:** Sebanyak 70 filem diterbitkan setahun di bawah RM1.5 juta. *Threshold* kami adalah *RM2.5 million* bagi setiap yang diluluskan untuk FIMI. So, walau kita tambah semua filem itu, 50 peratus tidak dapat dicapai dalam keseluruhan industri. *As Dato' KSU has mentioned, I think there was no documentation or research done towards the decision made on percentage before its executed into the agreement. That is what we find* yang isu sekarang ini.

**Tuan Wong Chen:** *Dato', here. If the target is say– Well, I would not say fictional, but set by without proper research, does your allocation reflect those targets? That RM270 million that you have. Does it really reflect the target? If not, then we just reduce your budget. Is that what you are saying? We need to reduce the budget from RM270 million to say RM150 hundred?*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** *Bukan target of the value. It is more of the target, the 50 percent dana itu. It is because sekarang ini kita punya nilai minimum itu is RM2.5 million. Akan tetapi sekarang untuk tujuan penambahbaikan, kita sedang berusaha untuk menurunkan menjadi RM1.5 juta. So, by reducing the minimum RM1.5 million, we will try that. We can reach that perhaps.*

**Tuan Wong Chen:** *So, by reducing RM1.5 million, you can increase the number of productions a year, 250 from 70?*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** *Yes, we will try.*

**Tuan Wong Chen:** *That is your...*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** *Our target.*

**Tuan Wong Chen:** *Your target?*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** *Yes. We will try.*

**Tuan Pengerusi:** *Dato', jumlah RM1.5 juta itu adalah berdasarkan kepada apa? It is because sebelum ini RM2.5 juta, but tidak boleh tercapai, because kita industri Malaysia kecil-kecilan, syarikat-syarikat, but why do you come out with RM1.5 million instead? Do you just pluck from the air ataupun apa? Based on apa itu yang you buat keputusan?*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** *RM1.5 million* adalah *value* yang biasa dikeluarkan oleh *producer* untuk mengeluarkan sesuatu filem. *That is the* jumlah secara purata. *Threshold*, RM1.5 juta ini. Kita ambil RM1.5 juta itu berdasarkan *the existing investment*.

**Dato' Hans Isaac:** *May I add on Dato' KSU*. Bukan semua filem hanya beri *RM1.5 million*, kebanyakan filem juga adalah di bawah RM1 juta. Akan tetapi kalau kita bawa kepada *threshold* itu kepada *RM1.5 million*, mungkin filem-filem akan meningkatkan kos untuk kualiti. *So, the threshold to get a RM1.5 million, at least you can get quality films at that budget, because they qualify for the FIMI. So, it is trying encourage quality content out in the market.*

**Tuan Wong Chen:** *Is there any external study to support your assumption? Have you engaged somebody to write this RM1.5 million targets?*

**Dato' Hans Isaac:** *Yes. Actually, to be honest, we have the SPP license under FINAS and it will tell us how much the film is worth, how much it makes in the market and how much is spent from production to marketing and so on. Also, we have another grant under FINAS which is the DKD grant which also tell us where they stand in the budget and we also support it on the side. But one can't obviously double dip with FIMI and DKD. So, they allow one only.*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** *So, the other one is DKD (Dana Kandungan Digital)* pun dia boleh guna. Dana Kandungan Digital.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kena pastikan, *because the reason of giving out grant to industry is to help them, because we want more. We don't want to just focus on certain companies and that is it. No. But, I take what the Chairman said and because it is good that you have identified others to help and you get that because at least we have something to base on.* Dato', kalau kita tidak ada apa, teruskan.

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Okey. Untuk yang kedua, peluang pekerjaan bagi syarikat produksi filem dan penaja tempatan. Untuk isu ini, setiap pemohon projek antarabangsa perlu melantik penaja tempatan untuk membantu mereka semasa proses produksi tersebut. Penaja tempatan ini akan melakukan kerja-kerja pemasaran insentif FIMI di pasaran antarabangsa. *So, ini adalah the scenario.* Jadi, status terkini apa yang kami buat ialah kini terdapat beberapa *local sponsors* tempatan baharu yang memohon FIMI. Antaranya ialah Skop Productions, Frequency Media, Ideate Pictures dan Landmark Films.

**Tuan Pengerusi:** Bolehkah Dato' terangkan apakah yang dimaksudkan dengan *local sponsors*?

■1540

**Encik Ahmad Idham bin Ahmad Nadzri:** Tuan Pengerusi, *local sponsors* ialah wakil syarikat tempatan. *They are not the producers* tapi dia mewakili produser-produser daripada luar,

yang mana hendak *shooting* di Malaysia. Ia kerana kalau ikutkan syarat kelayakan untuk *apply for the FIMI*, syarikat itu harus ada SPP iaitu Sijil Perakuan Penggambaran di Malaysia. Jadi, *international films* bila mereka hendak datang, untuk menggalakkan mereka *attached* dengan *local* punya *producers*, jadi kita adakan *local sponsors* ataupun wakil penerbit tempatan untuk mewakili mereka untuk *apply for the grants* di Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Kira macam ejen la ini?

**Encik Ahmad Idham bin Ahmad Nadzri:** Dia macam ejen. Akan tetapi ejen itu pun dia *involved directly in the production*.

**Tuan Pengerusi:** Berapa banyak sudah dekat Malaysia?

**Encik Ahmad Idham bin Ahmad Nadzri:** Sekarang sudah *increase*. Sebab dia sebenarnya ada sedikit *contradict* daripada sudut antara *local sponsors* dengan penerbit itu sendiri. Sebab *some of the* penerbit Malaysia, dia sendiri ada buat *local sponsors* dan sesetengah itu ada yang *local sponsors* yang profesional *local sponsors*. So, isu dekat sini dia menekankan tentang *one of the* profesional *local sponsors*. Kerana untuk jadi profesional *local sponsors* ini, *you* juga ada *investment* yang besar untuk dapatkan *networking internationally*.

So, jadi mereka ini memang aktif pergi *all the markets to bring in the investment*. Kerana kalau kita tengok balik *fundamental FIMI* ini adalah Film in Malaysia Incentive adalah perbelanjaan di Malaysia. Jadi kalau ikutkan juga kita tengok sini, *that is why* kita merasakan ketika itu kita tidak kisah *local sponsors* siapa yang bawa, *as long as you bring the investment here in Malaysia*, kerana kita *spend 30 percent* sahaja. So, *we are bringing RM1 billion* punya *targets for...*

**Tuan Pengerusi:** Minta maaf. Tak boleh tak kisah. *Because we are talking about public funds*. Kita tak boleh tak kisah.

**Encik Ahmad Idham bin Ahmad Nadzri:** Tak kisah, maksud saya itu maknanya fasal *at the FIMI is 30 percent*, Tuan Pengerusi. So, kita kisahkan ialah perbelanjaan sebanyak mungkin yang hendak datang ke Malaysia. *[Ketawa]* Jadi, perbelanjaan itu yang kita ambil kira. Jadi, *local sponsors* ini adalah salah satu ejen yang akan membawa pelaburan itu ke dalam. Jadi kita sekarang memberitahu kepada *all the local producers* bahawa *local sponsors is part of also*, suatu ruang perniagaan yang baharu untuk mereka ceburi. So, *that is why* kita galakkan lagi *local producers to become the local sponsors*.

**Tuan Pengerusi:** Nanti saya hendak minta Datuk KSU maklumkan dengan kita berapa jumlah sekarang yang ada di Malaysia ini, yang *register with you* ya.

**Dato' Hans Isaac:** *May I add on to the committee please. Also, that the local sponsors* dia tidak membuat peruntukan daripada FIMI terus *direct*. *It is more* daripada *negotiation daripada*

*the international companies. So, we do not— as FIMI pays the companies to take on the agency's work. It is done between the third party and the local sponsors. So, we do not fund them financially in any funds ya.*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Bilangan *local sponsors* yang ada di Malaysia sekarang adalah 63. 63. *Can we?*

Seterusnya, kajian penilaian *outcome* yang belum dijalankan. Ini untuk perkara 6.1.2 (C). Sedikit latar belakang. Pada tahun 2015, FINAS dan *Pinewood Iskandar Malaysia Studio* telah menjalankan suatu kajian keberkesanan FIMI yang dibuat oleh Olsberg SPI London. Kajian tersebut merangkumi projek daripada tahun 2013 hingga 2015 dan *sample* yang diambil adalah sebanyak lima projek sahaja. Kajian ini merangkumi impak FIMI ke atas ekonomi negara, bukan sahaja dari sudut industri kreatif, malah merangkumi dari segi sudut pengangkutan, pelancongan dan lain-lain lagi. Kita ada melampirkan Olsberg Report itu dalam lampiran C. Tindakan yang telah FINAS ambil ialah pembentangan...

**Tuan Wong Chen:** Dato', Dato', *hang on. Dato', here. So, can you just summarize what lampiran C is about? How much invested, how much did you get, you know. What did they cost us? What did it bring in?*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Okey.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Okey. Untuk 2016— *it is too small, you read out lah Puan Zalwani.*

**Tuan Wong Chen:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dato' Hans, *is that the summary of that page?*

**Dato' Hans Isaac:** Yes.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Hans Isaac:** *Sorry Yang Berhormat, your question was about the income that has FIMI brought in?*

**Tuan Wong Chen:** *No, this is a program where we spent government's money to encourage filming activities, right?*

**Dato' Hans Isaac:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** *So, and you all commissioned a report by Olsberg SPI. So, you all are making an argument that this money is well spent, that it has brought in a lot of foreign money or generated economic growth. What are those numbers? I mean, you know.*

**Dato' Hans Isaac:** *Currently the growth is about RM1.5 billion from our department as mentioned earlier on. I think our CEO has mentioned it earlier on as well. A total of RM1.5 billion has come into the country.*

**Tuan Wong Chen:** *As a foreign investment into our films?*

**Dato' Hans Isaac:** *Yes. Into the market basically.*

**Tuan Wong Chen:** *And how much did we spend to bring this RM1.5 billion in, currently? RM270 million?*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar:** *Untuk rebate sahaja, setakat ini kita sudah belanja RM200...*

**Tuan Wong Chen:** *[Mencelah] RM230 juta lebih?*

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar:** *RM285 juta, bertambah RM13 juta.*

**Tuan Pengerusi:** *Berapa?*

**Dato' Hans Isaac:** *Total berapa? Just give the total. Give only one figure.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Hans Isaac:** *Just give us a second Yang Berhormat.*

**Tuan Wong Chen:** *Sure, sure.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Wong Chen:** *Let me direct the Jabatan Audit Negara. Have you all looked at this report before? Dr. Farida? Have you seen this Olsberg Report?*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *Untuk yang ini, ketika pengauditan ada dikemukakan. Cuma, kami tidak mengambil kira sebab dia tidak selaras dengan arahan penilaian outcome yang kementerian guna pakai. Sebab this is engagement between Pinewood and also FINAS lah. So, dia buat bersekali dan antara isu yang kami ingin lihat adalah independent of that report itself. Sebab dia kerjasama untuk mendapatkan laporan ini dan daripada metodologi yang saya lihat di muka surat seksyen 2.2, how SPI conducted the study. Dia lebih kepada consultation with the executives, interview and also visits. So, based on that, they had come up with a figure. So, cuma how can they come up with the economic...*

**Tuan Wong Chen:** *[Mencelah] So, basically the economic numbers are basically assumption. You have no real proof that they brought in this amount of money.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dr. Farida binti Veerankutty:** *The figures must be...*

**Dato' Hans Isaac:** *Sorry Yang Berhormat, may I just clear?*

**Tuan Wong Chen:** *Ya.*



**Dato' Hans Isaac:** *It is RM1.12 billion of investment to be on us and that figure. The rebate was RM336 million. From the rebate, because of 30 percent, that is how we get the figure of the total. So, we get the value of the production and then allocate the FIMI at 30 percent local...*

**Tuan Wong Chen:** *[Mencelah] Dato', I do understand that. I am just saying that in the report, there were made several assumptions. In terms of the wages earned, which is RM300 plus million, that is not a problem. That is a real thing. Whether the other RM1 billion or RM900 million that supposedly came in or RM800 million came in, I mean can you really— is it tangible or not tangible. [Ketawa] I mean basic things like that. So, that is why it is not for you to question nor am I— you did not write the report. The report is written by some consultant. Whether I have asked—whether the Jabatan Audit Negara has done a review of this, but I do not think it is part of their term of reference lah. These kind of matters you bring up, taken out by the Ministry of Economic Affairs ya, do not worry. Please proceed.*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** *Okey Yang Berhormat. The executive summary of the economic impact of FIMI is actually at para 1.1 of the Olsberg Report. Ya, it's there. Okey.*

**Tuan Pengerusi:** Okey Dato', teruskan.

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Sampai selesai. Lepas itu nanti kita akan tanya balik berdasarkan kepada...

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

#### ■1550

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Seterusnya ialah nombor empat ialah pengurusan program, pengurusan pembayaran insentif permohonan FIMI diluluskan walaupun projek tidak mencapai nilai QMPE yang ditetapkan. Ini ialah mengenai projek *The Wildest River in the World* (WRW) dan juga Projek *Boboiboy* Season 3.5. Ini Yang Berhormat seperti tajuknya memang begitulah tidak mencapai nilai dan ia telah diluluskan dan kami mengaku ia berlaku pada ketika itu. Akan tetapi tindakan yang telah kami buat adalah bahawa *we stop all that. We are not going to go through all that again and for that* sehingga Ogos 2019 ini tiada lagi kelulusan diberikan kepada projek yang di bawah nilai.

**Tuan Pengerusi:** Dato' saya cuma hendak tanya, ini mesyuarat Jawatankuasa FIMI ini pengurusinya dinyatakan di sini bahawa ia adalah Dato' Kamil Othman. Siapa duduk dalam jawatankuasa tersebut?

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Dia ada dalam depan sekali. Okey ada *various*. For example, Dato' Kamil Othman sebagai pengerusi. Ahli lainnya ialah Tuan Haji Mohd. Zulkifli Ab. Wahab.

**Tuan Pengerusi:** Kena beritahu dia daripada mana untuk rekod handsard.

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Ini semua Pengarah Area Office FINAS. Encik Mohd. Harun Elik wakil MIDA, Puan Azi Azira Rahmi wakil PUSPAL, ini KKMM. Encik Ag Mohd. Hasnul Busri wakil Unit Perancang Ekonomi, Cik Sangeetha Tannimalay wakil Unit Perancang Ekonomi, Encik Hasnul Hadi Samsudin wakil MDec, Encik Azhar Ahmad@Salleh daripada Universiti Multimedia, Encik Abdul Shukor Abd Kadir wakil Borneo Film Sdn. Bhd.. Cik Gayathri Su-Lin Pillai, *producer*, Cik Iris Dang wakil PEMANDU. Kita juga ada urus setia.

**Tuan Pengerusi:** Okey saya sudah tengok. Satu soalan saya kenapa tidak ada wakil daripada kementerian sedangkan FINAS adalah bawah kementerian?

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Wakil kementerian adalah Puan Azi Azira Rahmi wakil PUSPAL. PUSPAL itu adalah unit dalam kementerian.

**Tuan Pengerusi:** Unit daripada kementerian?

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Itu yang mewakili kementerian. Jadinya dia boleh membawa ataupun boleh menasihatkan apa-apa juga keputusan yang dibuat dalam FINAS bagi pihak kementerian?

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Ya, boleh menasihatkan dan mesyuarat akan memutuskanlah. Pengerusi *will be the determinant*.

**Tuan Pengerusi:** Okey terima kasih.

**Tuan Wong Chen:** *Chairman*, soalan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Okey. *Now, both the project shouldn't have been paid but in the case of Boboiboy at least we know what the product is. It's okay and we have a real product to see. On The Wildest River in the World Project, can you all explain what is this about because when I typed in 1MDB doesn't exist. The title doesn't exist. Right? So, can you explain who the producer, how much money was given, why was it given and why is not 1MDB. IMDB, no 1MDB, sorry. Kasihan Najib. IMDB, sorry.*

**Dato' Hans Isaac:** *It's actually a documentary Yang Berhormat. We have content which is to provide the panels if they'd like to see it. It's on wildlife basically but we have product to show that the product is there.*

**Tuan Wong Chen:** *What is the actual tittle because I can't see in IMDB?*

**Dato' Hans Isaac:** *Wildest River.*

**Tuan Wong Chen:** *Wildest River. It is a series of river, right?*

**Dato' Hans Isaac:** *It's a three-episode documentary on wildlife.*

**Tuan Wong Chen:** *I see, okay and Malaysia is a....one segment, one episode only.*

**Dato' Hans Isaac:** *One episode of it.*

**Tuan Wong Chen:** *Is it okay? I mean what's the quality, I have no idea.*

**Dato' Hans Isaac:** *Yang Berhormat, to be honest when it comes to quality it can be very vague to be honest. This is actually the DVDs on... [Sambil menunjukkan cakera padat mengenai dokumentari tersebut]*

**Tuan Pengerusi:** *You have identified what do you call ...*

**Dato' Hans Isaac:** *Ya this where the panels start the milestone and so on when we decide. But these are the DVDs that they've delivered to us. We hanged on to the content also. So,...*

**Tuan Wong Chen:** *Do you know what the rating is like or number of viewers. Any numbers on that.*

**Dato' Hans Isaac:** *To be honest I don't know. This is before my– I've already been here four months but it's not an excuse but I've not seen this content.*

**Tuan Wong Chen:** *Perhaps you can just give us a written note on this issue because we want to see the performance. I mean if a million people viewed this, it's not bad. Right.*

**Dato' Hans Isaac:** *Agreed, agreed.*

**Tuan Pengerusi:** *To be honest we haven't heard of this documentary. That's why we are just wondering how do you choose, what kind of tittle and who do you engage with and how do you evaluate the quality based on what the Asian suggested or probably you can explain to us.*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** *Siapa yang dalam panel itu perhaps can explain. That's one tetapi Yang Berhormat was asking just now bagaimana kita menilai sesuatu produksi tersebut, kualitinya, presentation-nya. Bagaimana kita mencapai kepada satu keputusan bagaimana you finally give them grant. Yes. Siapa yang ada pengalaman.*

**Dato' Hans Isaac:** *For this individual content because National Geographic– qualify for National Geographic and that top level content. Here nothing gets better than National Geographic it's worldwide levels standard. But this is individually untuk satu sahajalah.*

*But if you are asking the panel ask on total overall of how we evaluate, that is individual left to the panel on milestone and so on, whereby that panels decides so on.*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** *Masa, pada ketika itu.*

**Tuan Pengerusi:** *Tidak ada ahli panel dekat dalam ini?*

**Dato' Hans Isaac:** *Tidak.*

**Puan Rozita Waty binti Ridzuan:** *Maaf Tuan Pengerusi. Saya selaku sekretariat pada waktu itu bagaimana mereka memilih. First sekali kalau permohonan masuk, kita akan kira dari segi QMPE. Kalau yang mana episod, kita akan kira QMPE besar dan juga QMPE dari segi hours berapa episod.*

Kemudian untuk bagi projek yang *The Wildest River* ini seperti mana yang tertera itu, elemen-elemen penambahbaikan ataupun pada syarikat tersebut sebagai contoh syarikat mempunyai co-pro antara Malaysia dengan Australia. Kedua, syarikat mempunyai lesen *National Geographic*. Ketiga, dia membuat dokumentari hidupan liar di Borneo.

Maknanya pada ketika itu ini adalah *first documentary* yang membuat permohonan yang akan mengangkat *content* hidupan liar di Borneo. Itu adalah elemen-elemen asas yang panel mengambil kira ketika permohonan dibentangkan pada ketika itu.

**Tuan Pengerusi:** Lagi satu Dato'. *I'm little bit concerned* pasal mungkin ini telah lari sedikitlah daripada ini sebab dalam prestasi *outcome* itu salah satu daripadanya adalah memberi peluang pekerjaan pada syarikat produksi filem dan juga penaja tempatan.

Daripada jumlah yang diberikan, berapa banyak peluang pekerjaan itu yang telah dihidupkan dan siapa mereka. Adakah mereka ini dari segi teknikal kah ataupun dia krew sahaja kah ataupun *you* telah melahirkan pelakon yang begitu hebat daripada ini. Berapa jumlah ini. Oleh sebab itu adalah salah satu daripada *outcome* yang FINAS kena bagi. Mungkin boleh juga menjawab mengenai— di dalam Audit, kita dapati bahawa syarikat penaja tempatan adalah pemilik saham yang sama. *How do you explain this?*

**Dato' Hans Isaac:** *May I just jawab the first part of the question. Total jobs* daripada tahun 2012 adalah 5,000 pekerja daripada kreatif dan teknikal. *That's the total amount of jobs brought into this industry. Secara keseluruhan one production may have about 200 over staff on a movie, maybe 30 or 40 on TV series and about 20 on a documentary level. So that is the threshold of manpower that a production generally has in this industry. The second question, sorry.*

**Tuan Pengerusi:** Itu *Malaysian* lah?

**Dato' Hans Isaac:** *Malaysian*. Belum lagi antarabangsa. *Malaysian*.

**Tuan Pengerusi:** *Malaysian* ke PR?

**Dato' Hans Isaac:** *Malaysian*.

**Tuan Pengerusi:** Kalau saya minta nama boleh siapkan?

**Dato' Hans Isaac:** Boleh. Setiap *production* ada *the names in list*.

**Tuan Pengerusi:** Kedua, soalan saya tadi adalah syarikat penaja tempatan adalah syarikat milik yang sama *because we are supposed to widen the whole industry*.

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar:** Tuan Pengerusi, walaupun syarikat *local sponsor* itu adalah...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Nama kita hendak catit.

■1600

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar:** Nama saya Zokifli, Pengarah Bahagian Galakan Penggambaran FINAS. Walaupun *local sponsors* itu adalah sama pemilik sahamnya, ia membawa projek yang lain-lain, *title* lain-lain. Bagi kita, *local sponsors* adalah salah satu ejen yang membawa projek-projek, *investments* masuk ke Malaysia. Jadi, sebenarnya *local sponsors* ini membantu kita mendapatkan *foreign investments* itu ke dalam Malaysia. Ditetapkan pada masa itu tahun 2013 sehingga sekarang, *local sponsors* ini adalah bukan salah satu KPI untuk FIMI.

**Tuan Pengerusi:** *So, are you saying it is a monopoly punya industry?*

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar:** Bukan, bukan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Habis kalau yang sama sahaja?

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar:** Ada yang lain juga, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya tetapi tadi *you* baru sahaja cakap dekat sini bahawa yang bawa itu sama...

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar:** Yang sama...

**Tuan Pengerusi:** ...oleh sebab dia ada *contact*, jadi macam *monopoly*-lah.

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar:** Ini kerana yang membawa...

**Tuan Pengerusi:** Ya atau tidak?

**Encik Mohd Zokifli bin Mohamad Abu Bakar:** Ya, sama.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Dato'.

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Okey Tuan Pengerusi, iaitu mengenai kelulusan projek tanpa piawaian yang betul. Seterusnya ialah dokumen sokongan dan resit perbelanjaan yang tidak disimpan sebagaimana tajuknya. Jadi, itu kami akur, memang begitu jadinya. Akan tetapi tindakan FINAS yang telah diambil ialah bersifat tindakan *corrective* yang mana kami menyediakan *master contract* antara FINAS dan audit swasta untuk dimasukkan klausa, di mana audit swasta perlu mengemukakan kertas kerja pengauditan atau *working paper* yang mengandungi maklumat transaksi projek untuk simpanan FINAS. Bagi penyediaan *master contract* ini, BGP memerlukan RM10,000 untuk fi guaman. Kini, FIMI telah pun membentangkan bajet bagi penyediaan *master contract* antara FINAS dan audit swasta dalam Mesyuarat Ahli Perbadanan FINAS.

Cadangan pindaan garis panduan FIMI juga telah dibentangkan yang mana pada kali ini kita tambahkan Seksyen I, sedikit tambahan pada ayat tersebut iaitu "*supporting documents and provide all documentations and receipts to the panel auditor appointed by FINAS*". Sebelum ini kita tidak ada *requirement* ini, so sekarang kita sudah masukkan untuk penambahbaikan *requirements* seterusnya. Okey, seterusnya ialah isu mengenai penentusahan Projek QPME oleh



perunding audit swasta, pelantikan perkhidmatan audit swasta secara lantikan terus. Isunya ialah bahawa PEMANDU telah mengarahkan pihak FINAS untuk melantik firma audit swasta pada tahun 2015 tanpa kelulusan Kementerian Kewangan. So, buktinya ada pada Lampiran I tetapi kini FINAS telah pun mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan pada 19 Ogos yang baru ini iaitu dengan Bahagian Perolehan Kerajaan. Kami telah dinasihatkan untuk *open tender* untuk memilih *audit panel* untuk proses.

**Tuan Wong Chen:** Dato', *I'm trying to understand, why is PEMANDU directing you to– [Ketawa]*

**Encik Ahmad Idham bin Ahmad Nadzri:** Fasal projek dia.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab ada– PEMANDU ada bagi peruntukkan kah?

**Dato' Hans Isaac:** *From PEMANDUs direction from beginning.*

**Tuan Pengerusi:** Sebenarnya punca kuasa– siapa yang *you guys report?* Kepada kementerian, satu. Selepas itu kepada mana lagi? *Do you report to Kementerian Kewangan?*

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Perbelanjaan, yes.

**Tuan Pengerusi:** Perbelanjaan - Kementerian Kewangan dan PEMANDU?

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Okey, PEMANDU adalah satu organisasi yang akan menentukan pencapaian kita, so itulah. Dia hendak kita buat audit, *so we have to follow*-lah masa itu.

*[Ahli berbincang sesama sendiri].*

**Tuan Pengerusi:** Dato', saya cuma hendak tanya, bila audit ini semua dibuat, bila *you all* ataupun kementerian ataupun FINAS buat segala-galanya, termasuklah Bahagian Perolehan Kerajaan dan segala-galanya. Ikut tidak apa pekeliling yang dibuat bawah– sebab kita di dalam kerajaan ini ia ada *certain instruction* yang kena ikut yang mana *you* kena *abide* dengan kementerian punya ataupun kerajaan punya. Jadinya, apabila ia tidak nampak ada percanggahan kah kalau terjadinya begini?

**Dato' Suriani binti Dato' Ahmad:** Betul Tuan Pengerusi, memang kita kena mengikut secara *rigid*-nya arahan-arahan semua. *That was in 2015, none of us were there* to itu. Itu sebab Tuan Pengerusi, kami sebut bahawa kami sekarang ini *follow*, memang *follow*. *After this* memang tidak ada. *Just to clarify* kepada Tuan Pengerusi, duit *National Key Economic Areas* itu *report* kepada PEMANDU. Memang *there is a channel where we report to PEMANDU* juga.

**Tuan Pengerusi:** Bermaksud daripada apa yang Audit jumpa, FINAS telah membuat tindakan, telah ya? “Telah” kah “akan”?

**Seorang Ahli:** Telah,



**Tuan Pengerusi:** Telah membuat tindakan mengikut apa yang telah ditegur dan juga termasuk mengikut prosedur yang ditetapkan, mengikut pekeliling kerajaan. “Telah” ya? Telah, okey.

